



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SABTU, 13 JANUARI 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

13/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	MENGADAKAN KUNJUNGAN KE LPPKN	
	https://umno-online.my/2024/01/12/mengadakan-kunjungan-ke-lppkn/	UMNO-ONLINE.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	PENJARA SEUMUR HIDUP WAJAR KEPADA PELAKU KESALAHAN SEKSUAL KANAK-KANAK - PAKAR	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penjara-seumur-hidup-wajar-kepada-pelaku-kesalahan-seksual-kanakkanak-pakar-453724	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
3	ANAK KENA STROK KETIKA PANJAT POKOK PETAI	
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/12/anak-kena-strok-ketika-panjat-pokok-petai/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	KAKAK TANGGUH BELAJAR MAHU JAGA ADIK OKU	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1049693/kakak-tanggung-belajar-mahu-jaga-adik-oku	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	MELAKA NEGERI SIFAR MISKIN TEGAR	
	https://www.melakahariini.my/melaka-negeri-sifar-miskin-tegar/	MELAKAHARIINI.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

13/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
6	PUSPANITA FOKUS UTAMAKAN KEBAJIKAN AHLI, PELBAGAI KEGIATAN MASYARAKAT	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/12/puspanita-fokus-utamakan-kebijakan-ahli-pelbagai-kegiatan-masyarakat	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	PPIP USM RANGKUL DUA ANUGERAH 'PROJECT OF THE YEAR'	
	https://www.utusan.com.my/terkini/2024/01/ppip-usm-rangkul-dua-anugerah-project-of-the-year/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	KANAK-KANAK LELAKI DIHANTAR KEMBALI KE PANGKUAN KELUARGA	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1199406/kanak-kanak-lelaki-dihantar-kembali-ke-pangkuan-keluarga	BHARIAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/644026/edisi/utara/kanak-kanak-lelaki-dihantar-kembali-ke-pangkuan-keluarga	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-lelaki-didakwa-diculik-bapa-saudara-kembali-ke-pangkuan-keluarga-453770	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
9	PEDOFILIA DIPENJARA 40 TAHUN, 21 SEBATAN KERANA PORNOGRAFI KANAK-KANAK	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/12/pedofilia-dipenjara-40-tahun-21-sebatan-kerana-pornografi-kanak-kanak	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://suarasarawak.my/pedofilia-dikehendaki-dunia-dipenjara-40-tahun-dan-21-sebatan-bakal-hadapi-pelbagai-pertuduhan-lain/	SUARASARAWAK.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

13/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
10	LELAKI CEDERAKAN TEMAN WANITA DIDENDA RM1,500	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/12/lelaki-cederakan-teman-wanita-didenda-rm1500	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	BUNUH BAYI: 2 SAHABAT DIPENJARA 35 TAHUN	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2024/01/1049783/bunuh-bayi-2-sahabat-dipenjara-35-tahun	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/12/ibu-dan-rakan-dipenjara-35-tahun-bunuh-bayi/	KOSMO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/12/ibu-kandung-sahabat-dijel-35-tahun-bunuh-bayi/	KOSMO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ibu-rakan-dihukum-penjara-35-tahun-bunuh-bayi-lelaki-453765	ASTROAWANI.COM
	https://www.utusan.com.my/video/2024/01/ibu-dan-rakan-dipenjara-35-tahun-bunuh-bayi/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=lmfMj3ixb8c	YOUTUBE
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/bunuh-bayi-ibu-dan-rakan-dipenjara-35-tahun/	BULETINTV3.MY
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/ibu-rakan-dihukum-penjara-35-tahun-bunuh-bayi-lelaki	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/643996/berita/semasa/wanita-rakan-dipenjara-35-tahun-bunuh-bayi-lelaki	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2261848	BERNAMA.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

13/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
12	GURU DIDAKWA LAKUKAN AMANG SEKSUAL 3 PELAJAR DITAHAN SEBELUM BERLEPAS TUNAI UMRAH	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1199386/guru-didakwa-lakukan-amang-seksual-3-pelajar-ditahan-sebelum-berlepas	BHARIAN.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/guru-tahfiz-ditahan-lakukan-amang-seksual-dengan-pelajar/	BULETINTV3.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1049821/mahu-pergi-umrah-selepas-cabul-3-pelajar	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/644041/berita/semasa/guru-ditahan-lakukan-amang-seksual-terhadap-pelajar	SINARHARIAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2024/01/12/amang-seksual-guru-ditahan-sebelum-sempat-berlepas-tunai-umrah/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://mykmu.net/2024/01/12/guru-ditahan-sebelum-berlepas-tunai-umrah-atas-dakwaan-amang-seksual-3-pelajar/	MYKMU.NEY
	https://www.youtube.com/watch?v=FWxuPD45rh4	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
13	AWANI PAGI: GANGGUAN SEKSUAL KANAK-KANAK DARI SUDUT PERUNDANGAN, APA YANG KURANG?	
	https://www.astroawani.com/videos/awani-pagi-x7ko8q/awani-pagi-gangguan-seksual-kanakkanak-dari-sudut-perundangan-apa-yang-kurang-x8rduqk	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=ySNT0iENX0c	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=qMu-62q0Dzc	YOUTUBE



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

13/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
14	TEMAN LELAKI IBU DITAHAN LAKUKAN AMANG SEKSUAL TERHADAP ANAK 17 TAHUN	
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/teman-lelaki-ibu-ditahan-lakukan-amang-seksual-terhadap-anak-17-tahun/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/12/remaja-17-tahun-dinodai-teman-lelaki-ibu/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	DUA ANGGOTA POLIS DISYAKI SAMUN, ROGOL PENUNTUT ASING DIGANTUNG TUGAS	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1049811/dua-anggota-polis-disyaki-samun-rogol-penuntut-asing-digantung-tugas	HMETRO.COM.MY
	https://www.malaysiakini.com/news/692978	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/konstabel-lans-koperal-rogol-samun-dua-remaja-ditahan-kerja/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/644040/berita/semasa/samun-rogol-penuntut-kolej-dua-anggota-polis-ditahan-kerja-hingga-siasatan-selesai	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/01/1199454/dua-anggota-polis-ditahan-kerja-hingga-siasatan-kes-samun-rogol-selesai	BHARIAN.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/01/12/2-polis-ditahan-kerja-hingga-siasatan-kes-rogol-samun-selesai/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://selangorkini.my/2024/01/disyaki-terlibat-kes-samun-rogol-penuntut-dua-anggota-polis-ditahan-kerja/	SELANGORKINI.MY
	https://www.buletintv3.my/jenayah/samun-dan-rogol-pelajar-dua-anggota-polis-digantung-tugas/	BULETINTV3.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-anggota-polis-ditahan-kerja-hingga-siasatan-kes-samun-rogol-selesai-453793	ASTROAWANI.COM
	https://malaysiatribune.news/2024/01/12/dua-anggota-polis-ditahan-berhubung-kes-rogol-samun-pelajar-uzbekistan/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS
	https://makkalosai.com.my/2024/01/12/2-polis-ditahan-kes-samun-rogol/	MAKKALOSAI.COM.MY



Mengadakan Kunjungan Ke LPPKN

📅 12 January 2024 📁 Berita Bergambar



KUALA LUMPUR 11 Jan-Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad beramah mesra dengan kakitangan Klinik Nur Sejahtera semasa mengadakan kunjungan rasmi ke Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang terletak di Jalan Raja Laut.



Penjara seumur hidup wajar kepada pelaku kesalahan seksual kanak-kanak - Pakar

Fahmi Izuddin
Januari 12, 2024 16:09 MYT



Kata Mahmud, pelaku jenayah terukut ini seakan tidak merasa takut dan gerun dengan ketetapan perundangan sedia ada. - Foto Fail

KUALA LUMPUR: Pemerkasaan perundangan gangguan seksual kanak-kanak perlu diperkasa dalam mendepani cabaran mendatang.

Menurut Peguam Bela dan Peguam Cara, Mahmud Jumaat, pada ketika ini terdapat kelompangan dalam melindungi golongan itu dari sudut undang-undang, susulan peningkatan kes gangguan seksual melibatkan kanak-kanak sejak beberapa yang lalu.

Kata Mahmud, pelaku jenayah terukut ini seakan tidak berasa takut dan gerun dengan ketetapan perundangan sedia ada.

"Apa yang saya boleh lihat disini, *sexual predator* (pemangsa seksual) atau pedofil ini mereka tidak gerun dengan undang-undang yang sedia ada. Kerana itulah saya bersetuju dengan mana-mana pihak yang ingin mengkaji semula undang-undang sedia ada. Mungkin hukuman yang dikenakan tidak cukup keras," jelasnya.

Pandangan beliau disuarakan dalam program *AWANI Pagi* pada Jumaat, yang membincangkan cara memperkasa perundangan gangguan seksual terhadap kanak-kanak.



AWANI Pagi: Gangguan seksual kanak-kanak dari sudut perundangan, apa yang kurang?


Selain itu, katanya lagi penetapan tempoh penjara maksimum 30 tahun juga wajar ditukar kepada penjara seumur hidup untuk mengubah persepsi rakyat bahawa jenayah ini merupakan jenayah yang begitu berat.

"Bagi kita pengamal undang-undang, penjara 30 tahun ni lebih kurang macam penjara seumur hidup. Tetapi persepsi masyarakat yang mendengar undang-undang penjara seumur hidup, ia lebih gerun.

"Kerana itu saya berpendapat, mungkin kita perlu mengubah minimum hukuman itu untuk melihat jenayah seksual terhadap kanak-kanak itu satu jenayah yang amat berat. Kita letakkan minimum hukuman seperti kes dadah yang kita boleh buat. *Why not* letak kes yang melibatkan pornografi kanak-kanak?" katanya.

Sebelum ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berkata ia sedang dalam proses semakan undang-undang berkaitan Akta Kanak-Kanak 2001 untuk dibawa ke Parlimen pada masa akan datang.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri, berkata antara perkara diperincikan dalam proses semakan itu adalah membatalkan hukuman terhadap kes gangguan seksual yang dianggap masih tidak setimpal.



Anak kena strok ketika panjat pokok petai

Oleh NOOR HAYATI MAMAT 12 Januari 2024, 8:52 am



Zainab (duduk, belakang) dan suaminya, Mohamad Sabudin (duduk, depan) tabah menjaga anak lelaki mereka dan ibu yang kini terlantar sakit akibat strok di Kampung Cheting, Hulu Terengganu baru-baru ini.

HULU TERENGGANU – Seorang wanita terpaksa berhenti kerja sebagai buruh di sebuah kilang kayu semata-mata untuk menjaga anak lelaki dan ibunya yang masing-masing menderita penyakit angin ahmar atau strok sejak lima tahun lalu.

Zainab Ali, 57, berkata, mereka sekeluarga kini terpaksa bergantung sepenuhnya kepada bantuan anak-anak yang lain selepas suaminya, Mohamad Sabudin Kassim, 63, bersara sebagai pengawal keselamatan ekoran faktor usia pada tahun 2021.

“Anak keempat saya, Mohamad Shuhairi Asmadi Mohamad Sabudin, 34, terkena serangan angin ahmar sewaktu sedang memanjat pokok petai pada tahun 2019.

“Keadaannya semakin teruk dan kini hanya terlantar berikutan serangan angin ahmar kedua dialaminya pada tiga tahun lalu,” katanya ketika ditemui di rumah mereka di Kampung Cheting di sini baru-baru ini.

Zainab berkata, dugaannya bertambah apabila ibunya, Alus Hassan, 80, yang tinggal bersama mereka turut terkena serangan penyakit sama kira-kira dua bulan lalu.

Tambah ibu tujuh anak itu, ibunya yang hanya terlantar di atas katil turut menderita masalah usus bocor.


“Saya dan suami perlu bergilir-gilir menjaga anak dan ibu sepenuh masa.

“Selain memakai lampin pakai buang, mereka hanya boleh minum susu khas yang perlu diberi pada setiap empat jam,” katanya.

Zainab berkata, kos perubatan kedua-dua ahli keluarganya itu mencecah hampir RM2,000 sebulan.

“Mujur kami turut menerima bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Tabung Darul Iman untuk menampung serba sedikit kos perubatan ibu dan anak saya,” katanya.

Dalam pada itu, orang ramai yang bersimpati boleh menghulurkan sumbangan menerusi akaun bank Zainab di nombor **1150041100051367** (Bank Simpanan Nasional) atau menghubunginya di talian **0112 5642723**.



Kakak tangguh belajar mahu jaga adik OKU

Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my



Siti Aishah (kanan) bersama ayahnya, Mohd Nordin dan adiknya, Siti Rokiah ketika ditemui di kediaman mereka di Kampung Mulong, Pulau Chondong. FOTO Hazira Ahmad Zaidi

Machang: Demi menggalas tanggungjawab menjaga adiknya orang kurang upaya (OKU), Siti Aishah Mohd Nor Din, 25, sanggup menanggungkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda sejak dua tahun lalu.

Menurutnya, keputusan berkenaan diambil selepas arwah ibunya, Rozila Hasan meninggal dunia dua tahun lalu disebabkan angin ahmar.

Katanya, dia juga sudah membuat keputusan untuk tidak menyambung pengajian dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Seni Halus di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam kerana mahu memberikan sepenuh perhatian kepada adik bongsunya, Siti Rokiah, 22, yang hanya terlantar sejak lahir.

"Pada masa sama, saya juga akan cuba mencari pekerjaan yang bersesuaian untuk membantu meringankan beban ayah, Mohd Nor Din Mohammad, 65, yang kini melakukan kerja kampung untuk menyara kami sekeluarga.

"Sebagai anak sulung, saya sanggup berkorban apa sahaja demi adik dan juga ayah," katanya.

katanya ketika ditemui di kediamannya di Kampung Mulong, Pulau Chondong.

Terdahulu keluarga berkenaan menerima kunjungan daripada badan bukan kerajaan (NGO) Kelab Kebajikan dan Sukarelawan Sosial (KELSS) yang diketuai Ketua Unit Media dan Komunikasi, Akidi Hamid yang turut menyampaikan lampin pakai buang serta barangan keperluan asas untuk meringankan beban ditanggung.

Siti Aishah berkata, biarpun adiknya tidak membesar seperti remaja seusianya dan hanya terlantar, namun dia dan ayahnya tetap bersyukur kerana mereka diberi kesempatan mencurahkan sepenuh kasih sayang kepada Siti Rokiah.

"Keadaan Siti Rokiah yang tidak boleh berjalan menyebabkan segala keperluannya perlu diuruskan termasuk memberi makan, minum serta memandikannya.

"Tugas yang perlu digalas ini tidak pernah membebankan saya sebaliknya rasa bersyukur kerana berpeluang menjaga adik sekaligus menggantikan peranan ibu yang sudah meninggal dunia," katanya.

Katanya, pendapatan ayahnya yang bekerja kampung tidak menentu bergantung kepada permintaan menyebabkan mereka sekeluarga terpaksa berjimat cermat dan makan apa yang ada untuk mengalas perut.

"Mujurlah adik mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM500 sebulan dan bantuan itu sekurang-kurangnya dapat meringankan beban dan boleh digunakan untuk membeli barang keperluannya seperti lampin pakai buang.

"Bagaimanapun sekiranya wang tidak mencukupi untuk membeli barang keperluan adik, ada saudara mara yang akan membantu, namun sebolehnya kami tidak mahu menyusahkan atau membebankan mereka," katanya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh menyalurkannya ke akaun Bank Islam bernombor 03045022551672 atas nama Siti Aishah Mohd Nor Din atau boleh menghubunginya di talian 013-9505877.



Gambar hiasan/fail

MELAKA TERKINI

Melaka negeri sifar miskin tegar

FAIZ HASAN
JUMAAT, 12 JANUARI 2024 @ 12:26

Share 🕒 Read Time: 2 Minit, 6 Second

AYER KEROH 12 Januari – Melaka secara rasmi diisytiharkan mencapai status Sifar Miskin Tegar pada 28 Disember lalu, kata Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh.

Atas kejayaan bermakna itu, Ketua Menteri merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua jabatan serta agensi menjayakan usaha itu.

Kata beliau antara agensi terbabit adalah Pejabat Pembangunan Negeri (JCU) Melaka, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Melaka, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Melaka, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) selain semua Pejabat Daerah dan Tanah.

“Semasa pembentangan Belanjawan 2023 lepas, Perdana Menteri ada menyatakan komitmen Kerajaan Persekutuan bagi menamatkan miskin tegar di negara ini pada Disember 2023. Kerajaan Negeri juga telah bergerak selari dengan agenda Kerajaan Persekutuan.

“Alhamdulillah, bagi pihak Kerajaan Negeri, suka saya mengisytiharkan bahawa Melaka telah berjaya mencapai Sifar Miskin Tegar pada 28 Disember 2023.

“Inilah yang menjadi hasrat kita untuk melihat negeri ini terus maju jaya. Rakyatnya hidup bahagia dan kemakmuran negeri mampu menggamit dunia datang ke Melaka, berlandas semangat slogan, ‘Bijak Laksana Tuah’, ‘Berani Laksana Jebat,’ katanya.



Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh berucap pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 oleh Ketua Menteri Melaka yang diadakan di Grand Ballroom Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh, Melaka. Foto: MR. AZLI

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 YAB Ketua Menteri Melaka yang bertemakan ‘Bijak Memimpin, Berani Bertindak’ di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini, hari ini.

Hadir sama, Ketua Menteri Melaka Ke-12, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali; Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Wira Ibrahim Durum; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Zaidi Johari serta Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin dan barisan Exco Kerajaan Negeri.


Turut hadir, Timbalan Speaker DUN, Kerk Chee Yee; barisan Timbalan Exco; ketua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri serta persekutuan.

Menurut Ketua Menteri, sejak 2010 Melaka merupakan satu-satunya negeri yang telah berjaya mencatatkan sifar miskin tegar di negara ini.

Tambah Ketua Menteri, perkara itu adalah berdasarkan Sistem Pangkalan Data Bersepadu Isi Rumah Miskin (eKasih) diselenggarakan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

“Walaupun bagaimanapun, akibat peningkatan dalam kadar Pendapatan Garis Kemiskinan 2019 yang mula diguna pakai bermula 1 Februari 2021, sebanyak 4,010 Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin Tegar telah direkodkan di Melaka mulai tarikh tersebut.

“Melalui usaha-usaha bersepadu dan kerjasama mantap oleh agensi-agensinya persekutuan dan negeri, akhirnya telah membawa pencapaian sifar miskin tegar di Negeri Melaka,” katanya.



PUSPANITA fokus utamakan kebajikan ahli, pelbagai kegiatan masyarakat

© 2024-01-12T14:38:24+08:00



SERAH: Sabin menyaksikan sesi menandatangani Nota Serah Tugas di sini.

KOTA KINABALU : Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Cawangan Kota Kinabalu menasarkankan untuk mempelbagaikan kegiatan amal kebajikan serta membantu masyarakat memerlukan sebagai fokus utama terbaharu persatuan terbabit.

Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, Datuk Seri Dr Sabin Samitah berkata, perkara ini penting bagi memastikan ahli serta anggota dalam persatuan ini tidak tercicir daripada mendapat bantuan yang diperlukan sekali gus berusaha untuk memperkasakan PUSPANITA ini.

“Sebelum ini, PUSPANITA Cawangan sangat aktif dalam melakukan aktiviti-aktiviti yang dapat menyantuni masyarakat setempat.

“Saya berharap kali ini persatuan ini dapat melipatgandakan aktiviti dengan merancang program pada peringkat awal agar segala pelaksanaan dapat dicapai sekali gus berusaha untuk membantu mereka yang memerlukan.

“Paling mustahak adalah keutamaan kepada anak-anak ahli serta anggota yang mungkin memerlukan bantuan terutama di musim awal persekolahan serta menjelang peperiksaan utama nanti,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Majlis Serah Nota Tugas kepada Pengerusi Baharu PUSPANITA Cawangan Bandaraya Kota Kinabalu, di sini.

Dalam majlis itu, Rosnah Datu Tumai menyerahkan nota tugas kepada Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kota Kinabalu yang baharu, Datin Sri Adreen Aderizza Mohamad Soffi.


Sabin berkata, beliau menggesa agar tumpuan meningkatkan hubungan silaturahim dalam kalangan ahli PUSPANITA yang sedia ada dapat diberikan.

“Saya mahu mereka tingkatkan lagi hubungan ini agar setiap aktiviti yang dirancang mendapat kerjasama yang baik terutama dalam kalangan ahli PUSPANITA, yang mana kebanyakannya adalah warga Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK).

“Peluang ini juga dapat digunakan semasa berinteraksi dengan ahli PUSPANITA dari jabatan kerajaan negeri lain,” katanya.

🔗 oleh Vivi Olivia Najurus

Kategori Sabah



PIIP USM rangkul dua anugerah 'Project Of The Year'



Puteri Belantara dinobatkan Project Of The Year GPM Management Award 2023.

Oleh Meja Rencana | 12 Januari 2024, 8:13 am

PETALING JAYA: Program Puteri Belantara cetusan pensyarah dan pelajar Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PIIP) Universiti Sains Malaysia (USM) berjaya merangkul Project Of The Year dalam pengiktirafan Malaysia GPM Sustainability Awards 2023 yang dianjurkan oleh Sustainable Business Network Association Malaysia.

Majlis yang berlangsung di Pusat Pelancongan Malaysia (Matic), Kuala Lumpur semalam, menyaksikan penyertaan daripada individu, institusi pendidikan, dan industri di Malaysia dalam usaha memartabatkan komitmen cemerlang dalam projek kelestarian berdasarkan pendekatan inovatif terhadap alam sekitar, masyarakat dan ekonomi.

Setiap penyertaan perlu mencakupi P5 Framework dan 17 elemen Sustainable Development Goals (SDGs) yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menjelang 2030.



Projek yang bermula Januari 2023 ini melibatkan pengembelingan komitmen pelbagai rakan sinergi seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA) Negeri Perak dan Kedah, Global Citizenship Education Cooperation Centre, Universiti Sains Malaysia (GCC-USM), Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc), Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak (Wanita Perak), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Perak, Free Tree Society (FTS), Yakult Malaysia dan Marry Brown Sungkai, Perak.

Timbalan Dekan Penyelidikan, Inovasi Dan Libatsama Industri dan Komuniti, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, USM merangkap Ketua Projek Puteri Belantara, Prof Madya Dr Aziah Ismail berkata, kombinasi kekuatan rakan sinergi amat penting dalam menjayakan projek ini.

Jelasnya, semua pihak berkenaan memainkan peranan tersendiri dan inilah di antara kekuatan projek tersebut.

"Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua rakan sinergi Puteri Belantara. Kerjasama ini akan diteruskan lagi untuk projek 2024 yang kami sasarkan ke peringkat Asia Pasifik,"katanya.



Ahli projek Puteri Belantara PIIP USM.

Program Puteri Belantara yang merupakan kombinasi idea pensyarah PIIP USM iaitu Aziah, Prof Madya Dr. Nor Shafirin Ahmad, Dr. Ummu Sakinah Mohamad Subri dan pelajar Ainisaadah Mohd Saad, telah menjelajah tiga lokasi di Perak dalam usaha mengembangkan potensi pembangunan kepimpinan asas murid dan ibu mereka seperti di perkampungan Orang Asli, kawasan luar bandar dan Feida. Keunikan modul ini diserahkan dengan penglibatan ibu peserta dan juga guru.

Selain itu 'Projek Wisdom of Leadership in Sustainability and Development' (WORLD) turut merangkul Project Of The Year dalam pengiktirafan Malaysia GPM Sustainability Awards 2023.

Projek dilaksanakan pelajar Ainisaadah dengan bimbingan Aziah telah menjayakan 22 projek kelestarian sekali gus mencakupi 17 elemen SDGs dari pelbagai institusi pendidikan.



Sementara itu, Secretary General Sustainable Business Network Association Malaysia, Ts Dr Norsaidatul Akmar Mazlean amat berbangga dengan usaha gigih kedua-dua projek yang telah menampakkan impak tinggi dalam kriteria dinilai sehingga melayakkan projek tersebut mencapai pengiktirafan ini.

"Kedua-dua projek PIIP USM ini mempunyai keunikan tersendiri dan kami berharap agar kegigihan dan kreativiti idea ini akan dikembangkan ke peringkat yang lebih tinggi.

"Ini sejajar dengan USM yang mempunyai kepakaran sebagai universiti peneraju kemampuan pada kedudukan keempat dalam ranking kemampuan global oleh Times Higher Education (THE-GIR) 2022 dan pertama di peringkat Asia," jelasnya.



Kanak-kanak lelaki dihantar kembali ke pangkuan keluarga

Januari 12, 2024 @ 3:40pm



BALIK PULAU: Kanak-kanak lelaki yang dilaporkan tidak pulang ke rumah sejak Jumaat lalu susulan dibawa keluar oleh bapa saudaranya tanpa pengetahuan keluarga telah dihantar ke pangkuan keluarganya dalam keadaan selamat semalam.

Ketua Polis Daerah Barat Daya, Superintendan Kamarul Rizal Jenal, berkata kanak-kanak berusia lapan tahun itu diserahkan oleh bapa saudaranya itu kepada seorang lagi bapa saudara untuk dihantar kepada keluarganya di Teluk Kumbar, di sini.

"Polis menerima laporan daripada bapa tiri kanak-kanak itu memaklumkan kanak-kanak itu dibawa menaiki kereta oleh adik iparnya (suspek) pada 2.30 petang Jumaat lepas. Apabila mereka menghubungi adik iparnya, dia tidak menjawab panggilan telefon atau mesej menerusi aplikasi WhatsApp.

"Setakat Selasa, keluarga berkenaan masih gagal menghubungi lelaki terbabit bagi mengetahui keberadaannya dan kanak-kanak itu, lalu membuat laporan polis kerana bimbang keselamatan anak mereka," katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Media sebelum ini melaporkan seorang ibu di Teluk Kumbar di sini, merayu supaya anak lelakinya dibawa pulang ke rumah dalam keadaan selamat.

Wanita terbabit mendakwa pada mulanya dia tidak mengesyaki apa-apa berikutan adik lelakinya yang berusia 29 tahun itu pernah membawa anaknya keluar bersiar-siar.

Mengulas lanjut, Kamarul Rizal berkata susulan laporan dibuat bapa tiri kanak-kanak itu, polis menjalankan siasatan lanjut bagi mengesan lelaki dan kanak-kanak berkenaan termasuk ke rumah seorang ahli keluarga mereka di Batu Gajah, Perak pada Rabu.

"Kedua-duanya tiada di situ (Batu Gajah), namun lelaki itu dipercayai menyerahkan kanak-kanak berkenaan kepada abangnya untuk diserahkan kepada keluarga. Dia mendakwa tidak menculik anak saudaranya sebaliknya hanya membawanya berjalan-jalan," katanya.

Beliau berkata pihaknya kini giat mengesan lelaki itu dan kes sedang disiasat lanjut mengikut Seksyen 52 Akta Kanak-Kanak 2001. – BERNAMA



Pedofilia dipenjarakan 40 tahun, 21 sebatan kerana pornografi kanak-kanak

© 2024-01-12T17:23:48+08:00



Polis mengiringi Aladdin selepas prosidingnya di Mahkamah Sesyen Kuching, hari ini.

KUCHING: Seorang pedofilia dihukum penjara sejumlah 40 tahun dan 21 sebatan di Mahkamah Sesyen di sini hari ini selepas dia mengaku bersalah atas pertuduhan menghasil dan menyediakan pornografi kanak-kanak dalam bentuk video dan gambar dengan telefon bimbitnya.

Aladdin Lanim, 43, dari Lundu membuat pengakuan bagi ketiga-tiga pertuduhan itu di hadapan Hakim Iris Awen Jon yang mensabitkannya dengan penjara 22 tahun dan 10 sebatan, penjara lima tahun dengan tiga sebatan, penjara 13 tahun dengan lapan sebatan, masing-masing untuk pertuduhan pertama hingga ketiga.

Iris turut memerintahkan hukuman penjara ke atas Aladdin dijalankan berturut-turut mulai hari ini.

Setakat ini, difahamkan Aladdin masih menjalani hukuman penjara di mana dia hanya akan dibebaskan pada tahun 2032 atas beberapa kesalahan seksual berbeza, juga melibatkan kanak-kanak.

Bagi pertuduhan pertama, Aladdin didakwa menghasilkan pornografi kanak-kanak dalam bentuk video dan gambar dengan telefon bimbitnya dan didakwa mengikut Seksyen 5 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (SOACA) 2017.

Berdasarkan pertuduhan kedua, dia didakwa mengikut Seksyen 6 SOACA 2017 kerana menyediakan bahan lucah kanak-kanak dengan telefon bimbitnya.

Bagi pertuduhan ketiga, dia didakwa mengikut Seksyen 7 SOACA 2017 kerana menggunakan budak lelaki berusia 13 tahun dalam penyediaan dan penghasilan pornografi terbabit.

Ketiga-tiga kesalahan itu dilakukan di sebuah kuarters di Biawak antara 13 Ogos 2018 dan 6 Disember 2020.

Berdasarkan fakta kes, pada 5 Julai 2021, polis menyerbu kuarters dan menahas Aladdin selepas mendapati telefon bimbitnya mengandungi sejumlah video lucah kanak-kanak dalam bentuk video dan gambar.

Siasatan mendapati gambar dan video itu dihasilkan oleh Aladdin yang pernah menggunakan mangsa dalam produksi tersebut.

Dalam melakukan jenayah itu, Aladdin telah memberikan mangsa satu lagi telefon bimbit supaya dia boleh bermain 'game,' manakala tertuduh merakam video dan mengambil gambar dirinya menghisap alat sulit kanak-kanak itu.

Memandangkan tertuduh menggunakan mangsa untuk penghasilan bahan lucah, dia turut membuatkan adik mangsa yang ketika itu berusia sembilan tahun menyaksikan perbuatan tersebut.

Menurut Timbalan Pendakwa Raya Ruvinasini Pandian, terdapat sebanyak 7,371 gambar dan 2,541 video membabitkan mangsa dan beberapa kanak-kanak lain.


Aladdin juga akan didakwa semula di Kompleks Mahkamah Kuching bagi kes serupa membabitkan mangsa bawah umur yang lain.

Kes disiasat oleh Sarjan Rahim Landarian.

Sementara itu, menurut laporan artikel dari The Sydney Morning Herald, penyiasat dari Polis Persekutuan Australia (AFP), Polis Queensland dan Pusat Laporan dan Analisis Transaksi Australia (AUSTRAC) menyenaraikan alias dalam talian Aladdin sebagai salah satu daripada 10 pesalah teratas di dunia dalam eksploitasi kanak-kanak di Internet pada 2019.

Pada 2020, anggota AFP dalam pasukan petugas Argos Polis Queensland untuk pengecaman mangsa kanak-kanak, terjumpa imej media sosial Aladdin.

"Selepas menghantar gambar itu ke Malaysia, pegawai AFP di Kuala Lumpur dan Polis Diraja Malaysia serta penyiasat Keselamatan Dalam Negeri Amerika Syarikat kemudian bergegas untuk menamakan gambar itu, sambil mengetahui bahawa lebih ramai kanak-kanak boleh berada dalam bahaya penderaan semakin lama pencarian itu diteruskan," kata artikel itu.



Lelaki cederakan teman wanita didenda RM1,500

© 2024-01-12T17:01:13+08:00



SIBU: Gara-gara mendatangkan kecederaan terhadap teman wanitanya, seorang lelaki dijatuhi hukuman denda RM1,500 atau penjara sebulan oleh Mahkamah Majistret di sini, hari ini.

Benny Tiang, 36, dijatuhi hukuman denda itu setelah mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan di hadapan Majistret Flavian Edward Henry.

Mengikut pertuduhan, Tiang didakwa dengan sengaja mendatangkan kecederaan terhadap teman wanitanya yang berumur 46 tahun di sebuah bilik rumah tumpangan di Lorong Tun Ahmad Zaidi Adruce 39 pada 9 Januari 2024, kira-kira jam 10 pagi.

Untuk pertuduhan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga satu tahun atau denda sehingga RM2,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, Tiang bertindak menampar muka, kepala serta tangan mangsa menggunakan tangan kerana berpendapat teman wanitanya itu ada hubungan dengan lelaki lain.

Selain itu, tertuduh juga bertindak menendang kaki kanan dan kiri mangsa serta mencekiknya.

Tertuduh juga memarahi mangsa serta membaling telefon bimbit miliknya ke arah mangsa, di samping mengugut hendak membunuh ahli keluarga mangsa.

Akibat perbuatan tertuduh itu, mangsa mengalami sakit di bahagian muka, bibir, belakang kepala, kaki kanan dan kiri selain lebam di mata kanan dan bahu kanan.

Mangsa kemudian membuat laporan polis serta mendapatkan rawatan di Hospital SibU.


Siasatan juga mendapati tertuduh dan mangsa telah menjalinkan hubungan sebagai kekasih sejak bulan November 2023 sehingga kini.

Ketika hari kejadian, mangsa memberitahu tertuduh yang dia ingin memutuskan hubungan mereka, menyebabkan tertuduh menyangka mangsa ada hubungan dengan lelaki lain.

Ini menyebabkan tertuduh marah sebelum bertindak memukul dan mencekik mangsa, selain mengeluarkan kata-kata berbau ugutan.

👤 oleh Reno Benjamin

📂 [Kategori Mahkamah](#)



Bunuh bayi: 2 sahabat dipenjara 35 tahun

Suraya Roslan
surayaroslan@mediaprima.com.my



KOMPLEKS Mahkamah Kuala Lumpur. FOTO arkib NSTP

Kuala Lumpur: Dua sahabat dihukum penjara 35 tahun oleh Mahkamah Tinggi di sini hari ini selepas didapati bersalah kerana membunuh bayi lelaki berusia 23 bulan, lima tahun lalu.

Hakim Datuk Muhammad Jamil Hussin menjatuhkan hukuman itu ke atas ibu bayi itu, Nor Aisyah Mohd Yunus, 40, dan rakan serumahnya, Noor Aisyah Ibrahim, 37, selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.

"Selepas mahkamah meneliti keterangan semua saksi, mahkamah mendapati kedua-dua tertuduh gagal memberikan penjelasan bagaimana mangsa mendapat kecederaan sedangkan tertuduh mengakui sendiri mangsa berada di dalam rumah berkenaan semasa kejadian," kata hakim itu.

Mahkamah kemudian memerintahkan setiap tertuduh dipenjara 35 tahun dari tarikh tangkap pada 4 November 2019.

Mengikut pertuduhan, dua penjawat awam itu didakwa bersama-sama membunuh bayi itu di sebuah rumah di Presint 5, Putrajaya, di antara pertengahan September 2019 hingga 4 November 2019.

Pertuduhan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama yang memperuntukkan hukuman mati atau penjara minimum 30 tahun dan maksimum 40 tahun dan jika tidak dihukum mati, hendaklah dikenakan sebatan tidak kurang daripada 12 sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Norashikin Ibrahim, Mohd Isa Mohamed dan Noor Dayana Mohamad manakala peguam Najib Zakaria dan peguam Mohd Azrul Hasyimi Mohammad yang mewakili kedua-dua tertuduh.

Seramai 19 saksi pendakwaan dan sembilan saksi pembelaan termasuk kedua-dua tertuduh dipanggil memberi keterangan pada perbicaraan yang bermula pada November 2021.

Sebelum ini Harian Metro melaporkan, bayi lelaki itu didera dan terdapat kesan luka pada bahagian dagu dan atas kening sebelah kanan mangsa, bengkak dan luka pada kemaluan serta ada kesan lebam pada bahagian badan dan kesan parut pada kedua tangan dan kaki.

Hasil bedah siasat dijalankan mendapati punca kematian mangsa disebabkan kecederaan di pinggul dan hati akibat hentakan objek tumpul dan keras.

Terdapat 89 kesan lebam, lecur, calar baru dan lama di seluruh anggota badan mangsa.



Guru didakwa lakukan amang seksual 3 pelajar ditahan sebelum berlepas tunai umrah

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin - Januari 12, 2024 @ 3:16pm
bhnews@bh.com.my



Foto hiasan

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan Ahmad Faizal Tahrim, berkata lelaki itu diberkas sepasukan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Hulu Selangor, jam 10.45 malam.

Beliau berkata, penahanan dibuat berdasarkan hasil risikan dan maklumat polis.

"Semakan mendapati suspek tidak mempunyai sebarang rekod lampau.

"Semua mangsa yang terlibat adalah pelajar suspek sendiri di maahad tahfiz berkenaan," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan Ahmad Faizal Tahrim, berkata lelaki itu diberkas sepasukan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Hulu Selangor, jam 10.45 malam.

Beliau berkata, penahanan dibuat berdasarkan hasil risikan dan maklumat polis.

"Semakan mendapati suspek tidak mempunyai sebarang rekod lampau.

"Semua mangsa yang terlibat adalah pelajar suspek sendiri di maahad tahfiz berkenaan," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Ahmad Faizal berkata, suspek dibawa ke IPD Hulu Selangor untuk ditahan reman bagi membantu siasatan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (AKSTKK) 2017.



Teman lelaki ibu ditahan lakukan amang seksual terhadap anak 17 tahun



RAIZ MUKHLIZ AZMAN AZIZ

MUAR: Seorang lelaki tempatan di tahan disyaki terlibat dengan kes amang seksual fizikal terhadap seorang remaja 17 tahun yang merupakan anak kepada teman wanitanya di Parit Keroma, Jalan Junid, Muar, di sini.

Menurut Ketua Polis Daerah Muar, Assisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz, suspek di tahan pada 10 Januari 2024 kira-kira pukul 8.00 malam oleh sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muar.

"Hasil siasatan mendapati suspek yang berusia 53 tahun merupakan teman lelaki kepada ibu mangsa.


"Kejadian berlaku pada 8 Januari 2024 semasa suspek berada dirumah bersama mangsa ketika ibunya keluar bekerja.

"Suspek direman selama enam hari bermula 11 Januari hingga 16 Januari 2024 bagi siasatan lanjut,"katanya ketika dihubungi hari ini.

Tambah Raiz Mukhliz, kes disiasat di bawah Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 yang mana jika disabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan boleh juga dikenakan hukuman sebat jika sabit kesalahan.

"Pihak polis menasihati orang ramai supaya cakna dan prihatin dengan jenayah seksual terhadap kanak-kanak kerana kejadian ini boleh memudaratkan kesihatan emosi dan mental yang berpanjangan terhadap mereka sekiranya tidak dibendung lebih awal.

"Pihak polis juga akan mengambil tindakan tegas kepada mana-mana individu yang melakukan sebarang tindakan yang berkaitan gangguan seksual mengikut undang-undang sedia ada,"ujarnya.



Dua anggota polis disyaki samun, rogol penuntut asing digantung tugas

Raja Noraina Raja Rahim
moraina@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Kuala Lumpur: Dua anggota polis yang ditahan kerana disyaki terbabit kes samun dan rogol remaja perempuan warga [Uzbekistan](#) kelmarin, akan digantung tugas.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, tindakan itu diambil sementara siasatan dijalankan.

"Ya, (dua anggota polis) akan terus ditahan kerja sementara siasatan dilengkapkan," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Semalam, media melaporkan dua anggota polis ditahan kerana disyaki terbabit kes samun dan rogol remaja perempuan warga Uzbekistan dalam kenderaan peronda polis (MPV) di Bukit Ampang, di sini.

Hussein dilaporkan berkata, polis menerima dua laporan daripada lelaki dan remaja perempuan warga asing yang juga penuntut kolej swasta.

Menurutnya, kejadian berlaku pada jam 10.09 malam Selasa, ketika mangsa dan rakan lelakinya berada di Bukit Ampang View, ditahan oleh dua suspek yang lengkap beruniform.

Katanya, kedua-dua suspek bertindak membawa mangsa dan rakannya ke tempat yang berasingan.

Dalam kejadian itu, seorang suspek merogol mangsa manakala rakan lelaki pula dibawa ke bank kerana perlu menjelaskan bayaran yang diminta oleh kedua-dua suspek atas kesalahan lalu-lintas.

Susulan itu, sepasukan pegawai dan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang Jaya menangkap kedua-dua suspek dan direman selama tujuh hari.



TAJUK : GURU TAHFIZ DISYAKI LAKUKAN AMANG SEKSUAL DITAHAN

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 13 JAN 2024

M/SURAT : 18

ZONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Guru tahfiz disyaki lakukan amang seksual ditahan

Tiga pelajar jadi mangsa suspek sejak 2 tahun lalu

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
bhnews@bh.com.my

Hulu Selangor: Polis menahan seorang guru maahad tahfiz kerana disyaki melakukan amang seksual terhadap pelajarannya. Ketua Polis Daerah Hulu Se-

langor, Superintendan Ahmad Faizal Tahrim, berkata suspek ditahan di pintu pelepasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), kelmarin, dalam perjalanan menunaikan umrah.

Tiada rekod lampau

Katanya, suspek berusia 26 tahun dipercayai melakukan perbuatan itu di sebuah maahad tahfiz di Batang Kali, di sini.

Beliau berkata, lelaki itu diberkas anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Hulu Selangor, pada jam 10.45 malam.

"Semakan mendapati suspek

tidak mempunyai sebarang rekod lampau.

"Semua mangsa yang terbit ialah pelajar suspek di maahad tahfiz berkenaan," katanya.

Difahamkan, tiga pelajar lelaki berusia lapan hingga 11 tahun menjadi mangsa gangguan seksual suspek sejak dua tahun lalu.

Ahmad Faizal berkata, suspek dibawa ke IPD Hulu Selangor untuk ditahan reman bagi membantu siasatan.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

“Suspek ditahan di pintu pelepasan KLIA, kelmarin dalam perjalanan menunaikan umrah”



Ahmad Faizal Tahrim,
Ketua Polis Daerah Hulu Selangor



TAJUK : IBU, RAKAN BERSALAH BUNUH ANAK KENA PENJARA 35 TAHUN

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 13 JAN 2024

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Ibu, rakan bersalah bunuh anak kena penjara 35 tahun

Dua penjawat awam didakwa melakukan kesalahan pada 2019 lalu

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi semalam menjatuhkan hukuman penjara 35 tahun terhadap dua penjawat awam kerana membunuh seorang kanak-kanak lelaki berusia hampir dua tahun di sebuah rumah, lima tahun lalu.

Hakim Datuk Muhammad Jamil Hussin, memutuskan hukuman itu kepada ibu kanak-

kanak terbabit, Nor Aisyah Mohd Yunus, 40, dan rakan serumahinya, Noor Aisyah Ibrahim, 37, selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah di akhir kes mereka.

Kedua-dua tertuduh diarahkan menjalani hukuman penjara dari tarikh ditangkap pada 4 November 2019.

"Selepas mahkamah meneliti keterangan semua saksi, mahkamah mendapati kedua-dua tertuduh gagal memberikan penjelasan bagaimana mangsa mendapat kecederaan.

"Tertuduh juga mengakui mangsa berada dalam rumah itu ketika kejadian," katanya.

19 saksi pendakwaan

Mengikut pertuduhan, Nor Aisyah dan Noor Aisyah didakwa membunuh budak lelaki berusia 23 bulan di sebuah rumah di Ja-

lan P5A/5 Fasa 5R4, Presint 5, Putrajaya, antara pertengahan September hingga 4 November 2019.

Pendakwaan dilakukan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan (KK) dan dibaca bersama Seksyen 34 KK yang memperuntukkan hukuman mati atau penjara antara 30 hingga 40 tahun dan jika tidak dihukum mati, perlu dikenakan sebatan tidak kurang 12 kali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Norashikin Ibrahim, Mohd Isa Mohamed dan Noor Dayana Mohamad, manakala dua wanita terbabit diwakili peguam, Najib Zakaria serta Mohd Azrul Hasyimi Mohammad.

Seramai 19 saksi pendakwaan dan sembilan saksi pembelaan, termasuk tertuduh memberi keterangan dalam perbicaraan bermula November 2021.



TAJUK : BURUH BINAAN DIPENJARA TUJUH TAHUN

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 13 JAN 2024

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

AMANG SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK AUSTRALIA

Buruh binaan dipenjara tujuh tahun

Tawau: Seorang pekerja binaan dijatuhi hukuman penjara tujuh tahun dan dua sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas kesalahan melakukan amang seksual terhadap seorang kanak-kanak perempuan warga Australia, dua tahun lalu.

Hakim Rosli Ahmad, membuat keputusan itu selepas tertuduh Nielhan Abdullah, 25, pekerja binaan di pulau peranginan di Semporna menukar pengakuan kepada bersalah selepas pihak pendakwa

membuktikan kes prima facie pada perbicaraan 3 Januari lalu.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang juga pendatang asing tanpa izin (Pati) didakwa melakukan perbuatan amang seksual ke atas kanak-kanak perempuan warga Australia berumur sembilan tahun di dalam bilik pusat peranginan di Pulau Mabul, Semporna, jam 7.45 malam, 2 Oktober 2022.

Bagi kesalahan itu, dia dituduh mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Sek-

sual Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum selama 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan. Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohd Syahnidzam Ahmad manakala tertuduh diwakili peguam Datuk Baginda Datu Laja.

Terdahulu, Syahnidzam dalam hujahnya memohon mahkamah supaya tertuduh dikenakan hukuman berat sebagai pengajaran memandangkan kesalahan dilakukan tertuduh adalah

serius.

Malah, katanya, tertuduh dalam kes ini juga adalah bapa tiga anak namun tergamak melakukan perbuatan terukutuk sehingga memberi kesan trauma panjang kepada mangsa.

Mahkamah memerintahkan tertuduh berada dalam pemantauan dan pengawasan polis selama dua tahun selain dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk tindakan penghantaran pulang (usir) ke negara asal sebaik selesai menjalani hukuman.



NEILHAN dihukum penjara tujuh tahun dan dua sebatan oleh Mahkamah Sesyen Tawau. - Gambar NSTP/ABDUL RAHEMANG TAIMING



TAJUK : DUA ANGGOTA POLIS DIGANTUNG TUGAS

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 13 JAN 2024

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Dua anggota polis yang ditahan kerana disyaki terbabit kes samun dan rogol remaja perempuan warga Uzbekistan Rabu lalu digantung tugas.

Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan berkata, tindakan itu diambil sementara siasatan

dijalankan.

"Ya, (dua anggota polis) terus ditahan kerja sementara siasatan dilengkapkan," katanya.

Kelmarin, media melaporkan dua anggota polis

KES SAMUN, ROGOL REMAJA WARGA UZBEKISTAN

DUA ANGGOTA POLIS DIGANTUNG TUGAS

ditahan kerana disyaki terbabit kes samun dan rogol remaja perempuan warga Uzbekistan dalam kenderaan peronda polis (MPV) di Bukit Ampang, di sini.

Hussein dilaporkan ber-

kata, polis menerima dua laporan daripada lelaki dan remaja perempuan warga asing yang juga penuntut kolej swasta.

Menurutnya, kejadian berlaku jam 10.09 malam,


Selasa, ketika mangsa dan rakan lelakinya berada di Bukit Ampang View ditahan dua orang suspek lelaki yang lengkap beruniform.

Katanya, kedua-dua sus-

pek membawa mangsa dan rakannya ke tempat berasingan.

Dalam kejadian itu, seorang suspek merogol mangsa manakala rakan lelaki dibawa ke bank kerana perlu menjelaskan bayaran diminta kedua-dua suspek atas kesalahan lalu lintas.

Susulan itu, sepasukan pegawai dan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang Jaya menahan kedua-dua suspek dan direman tujuh hari.



TAJUK : PENJARA 35 TAHUN

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 13 JAN 2024

M/SURAT : 22

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

DUA SAHABAT BERSALAH BUNUH BAYI

PENJARA 35 TAHUN

Oleh Suraya Roslan
[surayaroslan@mediapri-
ma.com.my](mailto:surayaroslan@mediapri-
ma.com.my)

Kuala Lumpur

Dua sahabat dihukum penjara 35 tahun oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam selepas didapati bersalah membunuh bayi lelaki berusia 23 bulan di sebuah rumah, lima tahun lalu.

Hakim Datuk Muhammad Jamil Hussin menjatuhkan hukuman itu ke atas ibu kepada bayi itu, Nor Aisyah Mohd Yunus, 40, dan rakan serumahannya, Noor Aisyah Ibrahim, 37, selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.

"Selepas mahkamah meneliti keterangan semua saksi, mahkamah mendapati ke-

SAKSI

Seramai 19 saksi pendakwaan dan sembilan saksi pembelaan termasuk kedua-dua tertuduh dipanggil memberi keterangan pada perbicaraan yang bermula pada November 2021.

dua-dua tertuduh gagal memberikan penjelasan bagaimana mangsa mendapat kecederaan sedangkan tertuduh mengakui sendiri mangsa berada di dalam rumah berkenaan semasa kejadian," kata hakim itu.

Mahkamah kemudian memerintahkan setiap tertuduh dipenjarakan 35 tahun dari tarikh tangkap pada 4 November 2019.

Mengikut pertuduhan, dua penjawat awam itu didakwa bersama-sama membunuh bayi itu di sebuah rumah di Jalan P5A/5 Fasa 5R4, Presint 5, Putrajaya, di antara pertengahan bulan September 2019 hingga 4 November 2019.

Pertuduhan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama yang memperuntukkan hukuman mati atau penjara minimum 30 tahun dan jika tidak dihukum mati, hendaklah dikenakan sebatan tidak kurang daripada 12 sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Norashikin Ibrahim, Mohd Isa Mohamed dan Noor Dayana Mohamad manakala peguam Najib Zakaria dan peguam Mohd Azrul Hasyimi Mohammad yang mewakili


kedua-dua tertuduh.

Seramai 19 saksi pendakwaan dan sembilan saksi pembelaan termasuk kedua-dua tertuduh dipanggil memberi keterangan pada perbicaraan yang bermula pada November 2021.

Sebelum ini Harian Metro melaporkan bayi lelaki itu didera dan terdapat kesan luka pada bahagian dagu dan atas kening sebelah kanan mangsa, bengkak dan luka pada kemaluan serta ada kesan lebam pada bahagian badan dan kesan parut pada kedua tangan dan kaki.

Hasil bedah siasat dijalankan mendapati punca kematian mangsa disebabkan kecederaan di pinggul dan hati akibat hentakan objek tumpul dan keras.

Terdapat 89 kesan lebam, lecur, calar baru dan lama di seluruh anggota badan mangsa.



TAJUK : FIVE ORPHANED AFTER PARENTS KILLED IN CRASH

HARI : SABTU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 13 JAN 2024

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

COUPLE TRIED TO AVOID WILD BOAR

Five orphaned after parents killed in crash

SUNGAI PETANI: Five siblings from Taman Pahlawan here were orphaned after their parents were killed in a motorcycle crash while evading a wild boar.

Mohd Norzianal Mohd Ainol, 46, and his wife, Suhana Othman, 43, died at the scene from severe head and body injuries after crashing into an electric pole near the Kuala Muda police headquarters.

In the incident, the couple was out on a Duke KTM motorcycle to buy dinner for their children.

The couple's eldest child Fatin Hanani, 23, said they were informed of the devastating news by policemen who came knocking on their door around 1am on Thursday.

"I was in total disbelief but when the policemen showed the identity cards of my parents, I

realised that it was for real.

"My siblings broke down upon learning that our parents were gone.

"We were taken to the crash site and saw the bodies of our parents. It felt like our world had ended," said the Universiti Sains Malaysia (USM) student, who is on her semester break.

The couple is survived by Fatin, Aida Batrisya, 17, Alya Batrisya, 16, Adlin Irfan, 15, and Adib Leman, 7.

"It is a huge blow to us, suddenly losing both of our parents but I will take care of my siblings," she said.

Aida Batrisya said her father, a water filter sales manager, had left the house with her mother to buy dinner when they were involved in the fatal crash.


She said the siblings would probably be moving to a house



Mohd Norzianal Mohd Ainol and his wife, Suhana Othman

belonging to her mother in Taman Kempas as the house they are living in now was a rented property.

The couple was buried at the Sungai Batu Muslim cemetery in Merbok on Thursday evening.



TAJUK :	MUM, HOUSEMATE GET 35 YEARS' JAIL FOR MURDERING TODDLER		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	13 JAN 2024	M/SURAT :	09
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

89 BRUISES, BURNS

Mum, housemate get 35 years' jail for murdering toddler

KUALA LUMPUR: A mother and her friend were sentenced to 35 years in jail after they were found guilty of murdering a 23-month-old toddler five years ago.

High Court judge Datuk Muhammad Jamil Hussin meted out the sentence to 40-year-old Nor Aisyah Mohd Yunus and her housemate Noor Aisyah Ibrahim, 37, after ruling that the defence had failed to raise reasonable doubt about the case.

He made the decision after examining the statements of 28 prosecution and defence witnesses called in to testify in the trial, which began in November 2021.

"The court found that the accused had failed to explain how the victim sustained the injuries when they were present in the house at the time of the incident.

"The court, hereby, sentences them to 35 years in jail from the date of their arrest," Jamil said.

Deputy public prosecutors Norashikin Ibrahim, Mohd Isa Mohamed, Noor Dayana Mohamad and Goh Ai Rene prosecuted.

Both the accused were represented by Mohd Azrul Hasyimi Mohammad.


On Nov 15, 2019, the duo were charged in the Putrajaya magistrate's court with the murder of the toddler. They were alleged to

have caused the death of the toddler at a house in Prescint 5 between middle of September and Nov 4, 2019.

The charge, under Section 302 of the Penal Code, carries the death penalty if convicted.

It was reported that the toddler was abused and injuries were found on his chin, eyebrow and private parts, and there were scars on the hands and legs.

A post-mortem revealed that the cause of death was injuries to the hip and liver due to the impact of a blunt and hard object. There were 89 bruises, burns, new and old scratches all over the victim's body.



TAJUK : PAEDOPHILE EXPOSED BY INTERNATIONAL PROBE GETS 40 YEARS' JAIL, 21 LASHES

HARI : SABTU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 13 JAN 2024

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Paedophile exposed by international probe gets 40 years' jail, 21 lashes

Desiree David

KUCHING: The Sessions Court here yesterday sentenced a man to a total of 40 years in jail and 21 strokes of the cane for producing and preparing child pornography in the form of videos and photos with his phone, using a boy from the age of 10.

Aladdin Lanim had been listed by Australian Federal Police, Queensland Police, and the Australian Transactions Reports and Analysis Centre (Austrac) as one of the Top 10 offenders in the world in the exploitation of children on the Internet in 2019.

Judge Iris Awen Jon convicted the 43-year-old from Lundu on his own guilty plea to three charges.

For the first charge, he received 22 years in jail and 10 strokes of the cane, for the second charge he received five years' jail with three strokes, while for the third charge he is to serve 13 years in jail with eight strokes of the cane.

Judge Iris also ordered for the jail sentences to run consecutively from yesterday.

For the first count, Aladdin was charged with producing child pornography in the form of videos and photos from his mobile phone under Section 5 of the Sexual Offences Against Child Act (SOACA) 2017.

Based on the second count, he was charged under Section 6 of the SOACA 2017 with preparing child pornography with his mobile phone.

For the third offence, he was charged under Section 7 of the SOACA 2017 with using the boy, born in 2008, in the preparation



Police personnel escort Aladdin after proceedings at the Sessions Court.

and production of pornography.

The three offences were committed at a quarters in Biawak between Aug 13, 2018, and Dec 6, 2020.

Aladdin is already serving time until 2032 for several different sexual offences, also involving children.

Based on facts of the case, on July 5, 2021, police raided the quarters and arrested Aladdin after finding his mobile phone contained child pornography in the form of videos and photos.

The investigation found that Aladdin had used the victim to produce the material.

To commit the crime, Aladdin had given the victim another mobile phone to play games, while he recorded videos and took photos of himself performing oral sex on the boy.

He also made the victim's younger brother, who was aged nine at the time, witness his

actions.


Deputy public prosecutor Ruvinasini Pandian said Aladdin had 7,371 photos and 2,541 videos of the victim and several other children.

Aladdin is facing further charges for similar cases involving other underage victims.

The case was investigated by Sgt Rahim Landarian.

Based on a report from The Sydney Morning Herald, in 2020, an Australian taskforce for child victim identification came across a social media image of Aladdin.

After an exhaustive investigation involving international agencies in Australia, the US, and Kuala Lumpur, Australian authorities tracked him to a state Covid-19 quarantine facility, where he was serving a mandatory period in isolation after arriving back in Sarawak, following a trip to Peninsular Malaysia.



TAJUK : IBU, RAKAN DIHUKUM PENJARA 35 TAHUN BUNUH BAYI LELAKI

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 13 JAN 2024

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Ibu, rakan dihukum penjara 35 tahun bunuh bayi lelaki

KUALALUMPUR: Seorang ibu dan rakan wanitanya dijatuhi hukuman penjara 35 tahun oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam selepas didapati bersalah kerana membunuh bayi lelaki berusia 23 bulan di sebuah rumah di Presint 5, Putrajaya, lima tahun lepas.

Hakim Datuk Muhammad Jamil Hussin menjatuhkan hukuman tersebut ke atas ibu bayi itu, Nor Aisyah Mohd Yunus, 40, dan rakan serumahannya, Noor Aisyah Ibrahim, 37, selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan munasabah terhadap kedua-dua tertuduh di akhir kes pembelaan.

“Setelah meneliti keterangan kesemua saksi pembelaan termasuk kedua-dua tertuduh, mahkamah mendapati kedua-dua tertuduh gagal memberikan penjelasan bagaimana mangsa mendapat kecederaan sedangkan mere-

ka mengakui mangsa berada di dalam rumah berkenaan semasa kejadian.

“Oleh itu, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 35 tahun bagi setiap tertuduh bermula dari tarikh tangkap pada 4 November 2019,” kata hakim itu.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua wanita itu yang merupakan penjawat awam, didakwa bersama-sama membunuh bayi berkenaan di sebuah rumah di Jalan P5A/5 Fasa 5R4, Presint 5, Putrajaya, antara pertengahan September 2019 sehingga 4 November 2019.


Pertuduhan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama yang memperuntukkan hukuman mati atau penjara minimum 30 tahun dan maksimum 40 tahun dan jika tidak dihukum mati, hendaklah dikenakan sebatan tidak kurang daripada 12 sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Norashikin Ibrahim, Mohd Isa Mohamed dan Noor Dayana Mohamad manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam Najib Zakaria dan Mohd Azrul Hasyimi Mohammad.

Seramai 19 saksi pendakwaan dan sembilan saksi pembelaan termasuk kedua-dua tertuduh dipanggil memberi keterangan pada perbicaraan yang bermula pada November 2021.

Media sebelum ini melaporkan bayi lelaki berkenaan dibawa oleh kedua-dua ibu bapanya ke Hospital Serdang dengan 89 kesan lebam, lecur, luka, calar lama dan baharu di seluruh badan.

Hasil bedah siasat mendapati punca kematian disebabkan kecederaan di pinggul dan hati akibat hentakan objek tumpul dan keras.
— Bernama



TAJUK : PORNOGRAFI KANAK-KANAK: LELAKI DIPENJARA 40 TAHUN, 21 SEBATAN

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 13 JAN 2024

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Pornografi kanak-kanak: Lelaki dipenjara 40 tahun, 21 sebatan

Tertuduh masih dipenjara atas kesalahan lain babit kanak-kanak

KUCHING: Seorang pedofilia dihukum penjara sejumlah 40 tahun dan 21 sebatan di Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas dia mengaku bersalah atas pertuduhan menghasil dan menyediakan pornografi kanak-kanak dalam bentuk video dan gambar dengan telefon bimbitnya.

Aladdin Lanim, 43, dari Lundu membuat pengakuan bagi ketiga-tiga pertuduhan itu di hadapan Hakim Iris Awen Jon yang mensabitkan-nya dengan Penjara 22 tahun dan 10 sebatan, penjara lima tahun dengan tiga sebatan, penjara 13 tahun dengan lapan sebatan, masing-masing untuk pertuduhan pertama hingga ketiga.

Iris turut memerintahkan hukuman penjara di mana dia Aladdin dijalankan berturut-turut mulai semalam.

Setakat ini, difahamkan Aladdin masih menjalani hukuman penjara di mana dia hanya akan dibebaskan pada tahun 2032 atas beberapa kesalahan seksual berbeza, juga melibatkan kanak-kanak.

Bagi pertuduhan pertama, Aladdin didakwa menghasilkan pornografi kanak-kanak dalam bentuk video dan gambar dengan telefon bimbitnya dan didakwa mengikut Seksyen 5 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (SOACA) 2017.

Berdasarkan pertuduhan



BALIK KE PENJARA: Polis mengiringi Aladdin selepas prosiding-nya di Mahkamah Sesyen Kuching, semalam.

kedua, dia didakwa mengikut Seksyen 6 SOACA 2017 kerana menyediakan bahan lucah kanak-kanak dengan telefon bimbitnya.

Bagi pertuduhan ketiga, dia didakwa mengikut Seksyen 7 SOACA 2017 kerana menggunakan budak lelaki berusia 13 tahun dalam penyediaan dan penghasilan pornografi terbabit.

Ketiga-tiga kesalahan itu dilakukan di sebuah kuarters di Biawak antara 13 Ogos 2018 dan 6 Disember 2020.

Berdasarkan fakta kes, pada 5 Julai 2021, polis menyerbu kuarters dan menahan Aladdin selepas mendapati telefon bimbitnya mengandungi sejumlah video lucah kanak-kanak dalam bentuk video dan gambar.

Siasatan mendapati gambar dan video itu dihasilkan oleh Aladdin yang pernah menggunakan mangsa dalam produksi tersebut.

Dalam melakukan jenayah itu, Aladdin telah memberikan mangsa satu lagi telefon bimbit supaya dia boleh bermain 'game,' manakala tertuduh merakam video dan mengambil gambar dirinya menghisap alat sulit kanak-kanak itu.

Memandangkan tertuduh menggunakan mangsa untuk menghasilkan bahan lucah, dia turut membuatkan adik mangsa yang ketika itu berusia sembilan tahun menyaksikan perbuatan tersebut.

Menurut Timbalan Pendakwa Raya Ruvinasini Pandian, terdapat sebanyak

7,371 gambar dan 2,541 video membabitkan mangsa dan beberapa kanak-kanak lain.


Aladdin juga akan didakwa semula di Kompleks Mahkamah Kuching bagi kes serupa membabitkan mangsa bawah umur yang lain.

Kes disiasat oleh Sarjan Rahim Landarian.

Sementara itu, menurut laporan artikel dari The Sydney Morning Herald, penyiasat dari Polis Persekutuan Australia (AFP), Polis Queensland dan Pusat Laporan dan Analisis Transaksi Australia (AUSTRAC) menyenaraikan alias dalam talian Aladdin sebagai salah satu daripada 10 pesalah teratas di dunia dalam eksploitasi kanak-kanak di Internet pada 2019.

Pada 2020, anggota AFP dalam pasukan petugas Argos Polis Queensland untuk pengekaman mangsa kanak-kanak, terjumpa imej media sosial Aladdin.

"Selepas menghantar gambar itu ke Malaysia, pegawai AFP di Kuala Lumpur dan Polis Diraja Malaysia serta penyiasat Keselamatan Dalam Negeri Amerika Syarikat kemudian bergegas untuk menamakan gambar itu, sambil mengetahui bahawa lebih ramai kanak-kanak boleh berada dalam bahaya penderaan semakin lama pencarian itu diteruskan," kata artikel itu.



TAJUK : PUSPANITA FOKUS UTAMAKAN KEBAJIKAN AHLI DAN PELBAGAI KEGIATAN MASYARAKAT

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 13 JAN 2024

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

PUSPANITA fokus utamakan kebajikan ahli dan pelbagai kegiatan masyarakat

KOTA KINABALU: Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Cawangan Kota Kinabalu menyasarkan untuk mempelbagaikan kegiatan amal kebajikan serta membantu masyarakat memerlukan sebagai fokus utama terbaharu persatuan.

Mayor Bandaraya Kota Kinabalu Datuk Seri Dr Sabin Samitah, berkata perkara itu penting bagi memastikan ahli serta anggota dalam persatuan ini tidak tercicir dalam mendapat bantuan yang diperlukan sekaligus berusaha untuk memperkasakan PUSPANITA ini.

“Sebelum ini, PUSPANITA cawangan sangat aktif dalam

melakukan aktiviti-aktiviti yang dapat menyantuni masyarakat setempat.

“Saya berharap kali ini persatuan ini dapat melipatgandakan aktiviti dengan merancang program pada peringkat awal agar segala pelaksanaan dapat dicapai sekali gus berusaha untuk membantu mereka yang memerlukan.

“Paling mustahak adalah keutamaan kepada anak-anak ahli serta anggota yang mungkin memerlukan bantuan terutama di musim awal persekolahan serta menjelang peperiksaan utama nanti,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas



SERAH: Sabin menyaksikan sesi menandatangani Nota Serah Tugas tersebut.

Majlis Serah Nota Tugas kepada Pengerusi Baharu PUSPANITA Cawangan Bandaraya Kota Kinabalu, di sini.

Dalam majlis itu, Rosnah

Datu Tumai menyerahkan nota tugas kepada Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kota Kinabalu yang baharu, Datin Sri Adreen Aderizza Mohamad Soffi.